

01 SEP 1999

Megat-Cek

MEGAT JUNID SERAH CEK KEPADA MICG

KUALA LUMPUR, 1 Sept (Bernama) -- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna hari ini menyerahkan cek bernilai RM78,427.74 kepada Institut Pengurusan Korporat Malaysia (MICG).

Menteri berkenaan, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob menyerahkan cek itu kepada Naib Presiden II MICG, Datuk J.J Raj di kementeriannya hari ini.

Pemberian cek itu adalah sebagai sokongan dan galakan kementerian kepada institut itu untuk meningkatkan pengurusan korporat yang berkesan, cekap, telus dan mementingkan tanggungjawab sosial.

MICG ditubuhkan hampir setahun lalu dengan matlamatnya ialah untuk menyediakan maklumat, penyelidikan, kajian dan penerbitan dalam usaha meningkatkan mutu pengurusan syarikat Malaysia dalam dan luar negara.

Sumbangan itu diperolehi daripada Tabung Sambutan 100 Tahun Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) pada 29 Mac lalu.

Pada persidangan berita kemudian, Megat Junid berkata kementerian akan membantu kementerian lain dalam menjayakan Karnival Membeli Belah Tanpa Cukai yang akan berlangsung pada Sabtu ini di Stadium Nasional, Bukit Jalil.

Kementerian juga akan memainkan peranan yang sama dalam menjayakan eskpo dan pameran yang bersangkutan dengan pengguna.

"Perdana Menteri meminta kita untuk mengingatkan rakyat agar berbelanja dengan bijak dan bukannya berbelanja dengan boros. Di samping itu dalam mesyuarat mingguan kabinet, kita masih diingatkan untuk meningkatkan eksport dan mengurangkan import," katanya.

Menurutnya juga antara langkah untuk menambah pengeksportan barangan tempatan, kaedah pengeluaran dan pembungkusan masih diberi perhatian.

"Kita mengimport tidak kurang dari RM10 bilion makanan setiap tahun ... bukan sahaja kementerian kita malah seluruh kementerian diberi ingatan yang sama oleh Perdana Menteri," katanya.

Beliau juga memberitahu media mengenai gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada semua kementerian agar menyegerakan pelaksanaan projek yang telah diluluskan oleh kerajaan.

"Projek prasarana terutamanya yang di luar bandar seperti pembinaan sekolah baru, klinik dan masjid harus disegerakan kerana ianya membantu dalam menggerakkan ekonomi," katanya.

-- BERNAMA

JAY AHH RI